

**UCAPAN DASAR SDR. DR. DOMINIC LAU HOE CHAI  
PRESIDEN NASIONAL PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA (GERAKAN)  
PERSIDANGAN PERWAKILAN NASIONAL KE-48, 2019  
SABTU, 9 NOVEMBER 2019**

**TEMA: GERAKAN - KUASA KETIGA**

Saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan Gerakan, Saudara-saudari. Saya mengalu-alukan kehadiran para tetamu, rakan-rakan media dan para perwakilan yang hadir bersama kami pada hari ini.

Persidangan Perwakilan Nasional pada tahun ini adalah amat istimewa. Pertama sekali, ini merupakan kali pertama parti kita, Gerakan mengadakan Persidangan Perwakilan Nasional di Negeri Johor sempena membuat persediaan menghadapi Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Tanjung Piai.

Kedua, ini merupakan tahun pertama saya berucap di hadapan saudara dan saudari sebagai Presiden parti. Sesungguhnya ini merupakan satu penghormatan kepada saya untuk berkhidmat kepada Saudara-saudari dalam kapasiti saya selaku Presiden parti. Saya amat bersyukur dan terharu atas segala sokongan dan galakan yang diberikan oleh semua pihak dalam tempoh yang mencabar ini.

Saya berikrar untuk memulihkan semula keadaan politik parti melalui pengukuhan organisasi parti, merekrut lebih ramai ahli, mempengaruhi dasar-dasar kerajaan secara positif, dan, yang paling penting, kita bergerak bersama menempuhi segala cabaran demi kejayaan masa depan.

**A. PASCA PILIHAN RAYA UMUM (PRU) KE-14**

- A1. Saudara dan saudari sekalian, terdapat tiga tarikh penting yang ingin saya ketengahkan untuk memberi sedikit sebanyak bayangan ke atas perkembangan parti selepas keluar dari Barisan Nasional.
- A2. Tanggal 9 Mei 2018 adalah tarikh di mana Gerakan kalah kesemua kerusi parlimen dan dewan undangan negeri yang ditandinginya. Peristiwa ini memberi tamparan yang agak kuat, malangnya kenyataan ini tidak dapat dielak.
- A3. Kedua, 23 Jun 2018 di mana Parti Gerakan Rakyat Malaysia telah mengambil keputusan untuk meninggalkan Barisan Nasional. Perkara ini bukan sesuatu yang senang untuk diterjemah, kita mengambil kira percaturan politik dan kepentingan ahli dan peranan rakyat dalam pertimbangan ini.
- A4. Ketiga, 17 November 2018 yang lepas persidangan perwakilan nasional barisan kepemimpinan baharu Gerakan telah dipilih bagi sesi 2018 - 2021. Peranan dan objektif utama barisan ini adalah untuk menyuntik semangat dan membina semula parti kita.
- A5. Suntikan ini kita mulakan dengan keputusan untuk mengadakan mesyuarat bulanan ahli jawatankuasa pusat di setiap negeri mengikut giliran, menubuhkan sebuah biro baharu yang dikenali sebagai Biro Kebajikan dalam memelihara kebajikan para ahli parti dan mengambil usaha untuk mengurangkan jurang di antara pengurusan pusat dan ahli biasa di peringkat cawangan. Segala usaha diambil untuk mendekati dan menjadikan kita sebagai sebuah keluarga yang besar yang bersatu dan bergerak ke hadapan. Keperluan ahli parti mesti dipenuhi dahulu dan sejurusnya memperjuangkan kepentingan dan hak rakyat.
- A6. Barisan kepimpinan baharu terdiri daripada golongan muda dan pemimpin berpengalaman luas. yang tiada 'beban politik'. Gerakan hari ini bersedia untuk berhadapan dengan segala kemungkinan, itu adalah janji utama kita untuk ahli

parti. Gerakan sedar bahawa parti kita perlu bergerak seiring dengan parti-parti politik perdana yang lain untuk kekal relevan dalam perubahan iklim politik yang sedang berlaku.

- A7. Jelas bahawa Gerakan telah kalah dalam Dewan Undang Negeri Pulau Pinang bagi tiga penggal secara berturutan. Kita kehilangan status eksekutif kerajaan negeri dan hari ini, kita tidak mempunyai sebarang kerusi perwakilan dalam sistem demokrasi negara. Saudara Saudari, apakah sebab kita kalah dalam PRU?
- A8. Sebab utama ialah parti kita dianggap kurang relevan, tidak memahami aspirasi rakyat, tidak dikenali oleh orang muda. Sebabnya mungkin ringkas, namun implikasinya menyebabkan kita tidak dipilih untuk mewakili mereka, kita diabaikan. Kekalahan dalam tiga pilihanraya umum yang lepas menyebabkan pengaruh Gerakan semakin berkurang dalam persada politik negara. Sekarang tiba masanya untuk kita menunjukkan siapa kita, sudah tiba masanya untuk kita bangkit berdiri teguh dalam menghadapi arus politik negara sebagai sebuah parti yang bebas, professional, berpendirian dan yang diterajui dengan ideologi demokrasi untuk semua.

## **B. 'WINNING MENTALITY' - PEMBAHARUAN PARTI**

- B1. Pembaharuan perlu dilakukan segera demi *survival* parti. Perubahan cara pemikiran sangat penting sebagai asas untuk proses pembaharuan. Kita perlukan merangka strategi menuju kejayaan.
- B2. Pertukaran cara pemikiran senang difahami tetapi susah dicapai. Sebagai permulaan, terdapat tiga pemikiran baharu yang perlu diberikan perhatian dan keutamaan. Pertama, mewajibkan pemakaian baju parti dengan logo Gerakan dalam semua program dan aktiviti anjuran Parti Gerakan.
- B3. Sudah lebih lima dekad Parti Gerakan memainkan peranan penting di pentas politik Malaysia. Kita berjaya mengharungi pelbagai perubahan, menangani isu-

isu secara bersama dan meletakkan nama Gerakan dalam arus politik negara sebagai sebuah parti utama yang mementingkan kepelbagaian dalam memperjuangkan konsep Bangsa Malaysia.

- B4. Ahli parti harus berasa bangga mewakili Parti Gerakan dan tidak segan memakai baju parti kerana Gerakan adalah identiti kita. Pemakaian baju parti juga satu strategi penjenamaan dan publisiti yang boleh meningkatkan visibiliti parti serta menambahbaik nilai parti.
  
- B5. Kedua, kita harus menyedari bahawa kini Parti Gerakan sebuah parti politik yang bebas. Sudah lebih setahun kita keluar Barisan Nasional, tetapi masih terdapat ahli-ahli parti yang terperangkap dalam pemikiran lama atau 'mentaliti Barisan Nasional'.
  
- B6. Sebagai contoh, Parti Gerakan mengambil bahagian dalam PRK Parlimen Tanjung Piai. Terdapat sesetengah ahli parti yang berpendapat kita tidak patut bertanding dan melontarkan pelbagai soalan yang melemahkan keputusan kita untuk bertanding. Kita perlu faham bahawa kita layak dan berhak bertanding di mana-mana satu kawasan parlimen atau dewan undangan negeri tidak mengira kawasan tersebut kerusi tradisi Gerakan atau tidak.
  
- B7. Pengalaman banyak mengajar kita, dalam dunia politik tidak ada kawan ataupun lawan abadi. Kita perlu kenal pasti siapakah musuh sebenar di medan perang dan siapakah rakan-rakan seperjuangan.
  
- B8. Ketiga, penyusunan strategi dan kempen menyeluruh sebagai persiapan menghadapi PRU yang akan datang. Kita perlu sedar bahawa cara berkempen sudah berubah berbanding dengan masa dahulu, malah kita tidak boleh bergantung kepada peruntukan, hadiah, elaun dan sebagainya. Kita patut singkir pemikiran lama dan mula langkah baru untuk membawa perubahan. Semua perlu bersatu dan berganding bahu demi menjayakan agenda parti bersama.

- B9. Matlamat itu penting. Gerakan sebagai sebuah keluarga besar mengalu-alukan semua untuk bersama dalam menjayakan agenda parti dan mendukungnya dengan pemikiran yang terbuka dan beraspirasikan kejayaan secara bersama.
- B10. Tak salah sebenarnya untuk meletakkan matlamat yang tinggi, yang penting kita sama-sama berusaha untuk mencapainya. Matlamat yang tinggi juga bukan bermaksud kita tamak, tidak bermaksud '*mustahil*'. Kejayaan hanya boleh dicapai dengan misi dan disiplin yang ketat.
- B11. Mentaliti untuk berjaya itu perlu ada, setia dan kukuh. Maka dengan itulah kita dapat bergerak ke hadapan.

### **C. GERAKAN, KUASA KETIGA DALAM PRK TANJUNG PIAI**

- C1. Cuaca politik negara pada hari ini amat berbeza sekali, kebangkitan Pakatan Harapan dalam arena politik dan kemerosotan parti yang memerintah negara selama lebih enam dekad memberi definisi baharu dalam politik tanahair. Perubahan ini adalah kehendak rakyat dan kita sedia faham bahawa rakyat adalah kuasa sebenar dalam percaturan politik. Kita mula bertapak dalam arus politik negara sebagai sebuah parti bebas dan profesional, kita berjaya memerintah Negeri Pulau Pinang dan kemudian berpendapat bahawa adalah penting untuk Gerakan menjalinkan kerjasama dengan parti pemerintah pusat pada masa itu. Asas kerjasama ini adalah untuk memberi pemerintahan yang terbaik kepada negeri yang kita tadbir. Kebelakangan ini, kita difahamkan dengan perubahan selera politik negara di mana rakyat inginkan sebuah kerajaan yang teramat telus dan berpaksikan '*Oleh Rakyat, Untuk Rakyat*'. Demokrasi negara inginkan kesegaran yang tidak boleh dinafikan, maka Gerakan berpendapat pentingnya kita menilai semula percaturan politik tanpa mengabaikan ideologi penubuhannya.
- C2. Kuasa Ketiga, adalah percaturan politik baru kita. Gerakan berpendapat bahawa pentingnya sebuah parti yang bebas dan profesional dalam arus politik

negara. Yang senantiasa mengingatkan kedua-dua blok politik bahawa Gerakan akan bersama dengan rakyat sebagai kuasa ketiga yang efektif dan bertanggungjawab. Jangan kita lupa asal usul penubuhan parti, kita bukan parti sebarangan, kita adalah parti yang mewakili rakyat jelata dari pelbagai latar belakang. Melayu, Cina, India, Anak Sabah, Sarawak, Sikh bersatu di bawah panji Parti Gerakan Rakyat Malaysia. Ayuh kita bangkit semula, bersatu sebagai sebuah keluarga besar yang mementingkan aspirasi rakyat, berganding bahu dalam merealisasikan impian Bangsa Malaysia!

- C3. Penampilan Parti Gerakan dalam PRK Parlimen Tanjung Piai adalah tepat, sesuai dan bermakna. Ini kerana Gerakan telah bertapak lebih 50 tahun dalam Gabungan Barisan Nasional dan ianya bukan penghalang untuk Gerakan bertanding sendiri sebagai sebuah parti politik yang bebas sejak keluar dari gabungan tersebut. Ini merupakan peluang pertama Gerakan bertanding dengan logo sendiri selepas lapan PRK diadakan sejak PRU Ke-14. Pengundi-pengundi Tanjung Piai amat memerlukan pilihan alternatif selain Pakatan Harapan dan Barisan Nasional.
- C4. Sudah lebih setahun Pakatan Harapan mengambil alih kuasa kerajaan pusat. Dalam tempoh ini, banyak isu telah dibangkitkan, janji-janji pilihan raya tidak dikotakan, manifesto diabaikan, masalah permusuhan dan ketegangan antara kaum semakin serius, dasar dan polisi yang dilaksanakan juga banyak menimbulkan kontroversi. Banyak *U-turn* dari segi polisi yang dibentangkannya.
- C5. Sebagai contoh, pelaksanaan seni Khat di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) mulai tahun depan. Walaupun dasar itu menerima bantahan keras daripada masyarakat bukan Melayu, tetapi Pakatan Harapan tetap bertegas untuk meneruskan dasar tersebut. Selain itu, kenyataan Zakir Naik yang kurang sensitif terhadap masyarakat Cina dan India, kehadiran Perdana Menteri Tun Dr Mahathir di Kongres Maruah Melayu dan gesaan Kongres tersebut supaya sekolah vernakular dimansuhkan dan

sebagainya adalah amat dikesalkan dan ianya langsung tidak menjaga sensitiviti kepelbagaian kaum di negara kita.

- C6. Kerajaan Pakatan Harapan juga gagal menunaikan janji-janji manifesto kempen PRU Ke-14. Janji ekonomi, belum ada sebarang kemajuan; Pengiktirafan Sijil Peperiksaan Bersepadu (*UEC*), tidak nampak lagi; Pemansuhan tol, tidak nampak lagi; Kilang Lynas, diteruskan walaupun dibantah orang ramai; Kereta terbang, diteruskan walaupun ekonomi negara tidak bagus. Pakatan Harapan secara terus melanggar janji-janji dalam manifestonya dan menyatakan bahawa ianya adalah mustahil untuk dilaksanakan. Malah pelbagai alasan dijadikan halangan untuk mengotakannya.
- C7. Pemantauan Parti Gerakan terhadap kerajaan Pakatan Harapan sejak awal tahun ini menunjukkan populariti Pakatan Harapan menjunam ke 25.6 peratus pada suku ketiga tahun 2019. Manakala terdapat sebanyak 36.3 peratus rakyat Malaysia tidak puas hati dengan prestasi Pakatan tersebut. Ini bukan sahaja menunjukkan prestasi Pakatan Harapan gagal, tetapi juga membuktikan Pakatan tersebut semakin kehilangan sokongan dan kepercayaan rakyat.
- C8. Menjelang PRK Tanjung Piai, kerajaan Pakatan Harapan mengumumkan peruntukan jutaan ringgit untuk pelbagai projek. Pakatan tersebut menegaskan kerajaan hanya menjalankan tugas seperti biasa, dan pemberian peruntukan itu secara kebetulan. Jika peruntukan itu memang sudah lama diluluskan, kenapa Pakatan Harapan merahsiakan peruntukan tersebut sehingga hari ini? Janji Manifesto pun tidak tertunai, kini tabur janji baru pula. Adakah ini satu lagi penipuan kepada pengundi-pengundi?
- C9. Kepimpinan Barisan Nasional pada hari ini juga mengecewakan apabila isu agama dan perkauman asyik dijadikan agenda perjuangan mereka. Kerjasama politik antara UMNO dan PAS bermotifkan sentimen perkauman yang sempit juga membimbangkan dan mencetuskan konflik keharmonian.

- C10. 'Malaysia Baharu' yang dilaung-laungkan selama ini sekadar slogan, retorik, sedangkan Malaysia yang kita sayangi masih terperangkap dengan sentimen perkauman dan agama yang dimainkan oleh pemimpin politik.
- C11. Sekarang sudah tiba masa kita menyampaikan mesej kepada Pakatan Harapan dan Barisan Nasional bahawa rakyat tidak puas hati terhadap politik perkauman mereka. Masa berbulan madu Pakatan Harapan sudah tamat, rakyat menolak 'Kerajaan Kakitipu'. Agenda ekonomi dan perpaduan Bangsa Malaysia yang sepatutnya menjadi pegangan dalam pemerintahan, malangnya blok pemerintah dan gabungan Barisan Nasional membelakangkan kedua-dua agenda ini demi survival politiknya.
- C12. Kuasa Ketiga penting bagi keharmonian politik. Gerakan sebagai sebuah parti politik berbilang kaum yang sederhana berhaluan tengah selama ini memperjuangkan kepentingan rakyat dan negara. Sepanjang penubuhan Gerakan, kita membela nasib dan hak semua kaum di Malaysia.
- C13. Gerakan menyeru pengundi-pengundi di Tanjung Piai supaya melaksanakan tanggungjawab sebagai pengundi dengan menolak parti yang mengamalkan politik toksik dan ganas. Demi Rakyat, Demi Tanjung Piai, Undilah Parti Gerakan. Berilah mandat kepada Gerakan bagi menjalankan tugas semak dan imbang antara kedua-dua blok politik tersebut.
- C14. Gerakan juga menggesa Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya memantau perjalanan PRK bagi memastikan calon yang bertanding dan parti politik mematuhi undang-undang pilihan raya, berpegang kepada prinsip pilihan raya yang bebas dan adil dengan tidak menyalahgunakan kedudukan sebagai kerajaan persekutuan.
- C15. Bersatu teguh, bercerai roboh. Kemenangan tidak mungkin tercapai jika kita tidak bersatu padu dan bekerja keras. Maka saya amat berharap Saudara Saudari, rakan-rakan seperjuangan Gerakan, semua jentera parti supaya turun membantu

berkempen untuk calon kita, Wendy Subramaniam, bagi membolehkan Gerakan menang dalam PRK ini.

- C16. Bukan sahaja untuk membantu malah kita juga mahu menggunakan peluang ini bagi mempertingkatkan kempen dari masa ke semasa. Kempen ini bukan sahaja untuk PRK Tanjung Piai malah berterusan sebagai persediaan untuk PRU akan datang.

#### **D. PERSEDIAAN DAN STRATEGI MENGHADAPI PRU KE-15**

- D1. PRU Ke-15 diramal akan berlangsung bila-bila masa dari sekarang, iaitu lebih awal daripada penggal kerajaan Pakatan Harapan tamat, berikutan pergolakan yang berlaku dalam parti-parti gabungan Pakatan Harapan.
- D2. Gerakan kini menumpukan usaha menyusun strategi untuk menawan semula negeri Pulau Pinang dan menjadikan Gerakan sebuah parti perdana yang kuat. Antaranya, dengan mendekati generasi muda seawal 16 tahun.
- D3. Menurut statistik SPR, dengan penurunan had umur mengundi kepada 18 tahun dan pendaftaran pengundi automatik pada usia 18 tahun, seramai 7.8 juta pengundi baru akan dimasukkan dalam daftar pemilih setiap tahun sehingga 2023. Dari 7.8 juta anak muda ini, terdapat seramai 4 juta orang berusia 21 tahun ke atas tetapi masih belum mendaftar sebagai pemilih, dan 3.8 juta orang berumur 18 tahun hingga 20 tahun yang bakal layak didaftarkan sebagai pengundi.
- D4. Jumlah undi golongan anak muda ini melebihi 30 peratus daripada jumlah pengundi keseluruhan. Jika satu undi boleh membawa perubahan, bayangkan dengan penambahan 7.8 juta undi baru ini. Mereka akan memberi impak besar kepada parti-parti politik dan menjadi penentu pembentukan kerajaan pada masa akan datang. Sudah pastinya mereka akan menjadi fokus dan rebutan parti-parti politik untuk memastikan kemenangan ke Putrajaya.

- D5. Undi orang muda sangat penting untuk parti kita. Gerakan menyasarkan untuk meningkatkan jumlah pemuda parti kepada 30% menjelang PRU yang akan datang. Untuk menjayakan matlamat ini, bagi Saudara dan Saudari yang mempunyai anak yang berumur 16 tahun ke atas, sila daftarkan anak-anak anda sebagai ahli parti Gerakan jika masih belum berbuat sedemikian. Bagi setiap negeri, bahagian dan cawangan, pucuk pimpinan diminta supaya mengadakan sebanyak mungkin aktiviti dan program yang berfokuskan golongan muda.
- D6. Untuk menarik perhatian dan sokongan anak muda, kita perlu memahami keperluan, minat dan *trend* semasa orang muda. Kita mahu dekat dengan belia muda, sifarkan jurang hubungan. Sebagai contoh, aktiviti 'Jom Minum Boba Tea' yang telah berlangsung di beberapa negeri sepanjang tahun ini. Program ini diperkenalkan untuk mendekati golongan belia daripada pelbagai latar belakang.
- D7. Selain itu, Gerakan juga bercadang mengadakan program latihan *YouTuber* dalam masa yang terdekat. Program ini bertujuan menggalakkan orang muda menyuarakan pandangan mereka melalui video dan *Internet*. Inisiatif ini pada jangka panjang boleh meningkatkan pengetahuan dan kesedaran belia terhadap perkembangan isu-isu semasa dan negara serta memupuk minat dalam politik.
- D8. Tidak lupa juga memanfaatkan media sosial seperti *Facebook*, *YouTube*, *Instagram*, *Twitter*, *WeChat*, dan sebagainya dalam membina persepsi orang muda terhadap Parti Gerakan. Golongan ini banyak menghabiskan masa melayari *Internet* untuk mencari dan berkongsi maklumat berbanding platform media lain seperti televisyen, radio dan surat khabar. Kita wajar menyelami bagaimana orang muda melihat Gerakan dan meningkatkan pemahaman generasi muda terhadap ideologi dan perjuangan parti kita.
- D9. Dengan adanya kemudahan internet, kita bukan sahaja boleh berhubung dengan generasi baru yang menetap di Malaysia, malah golongan muda yang

sedang belajar atau bekerja di luar negara. Mengikut statistik terkini Kementerian Pendidikan, terdapat hampir 80 ribu pelajar-pelajar Malaysia belajar di luar negara. Golongan ini akan menjadi penentu kepada pilihan raya kerana majoriti mereka adalah pemilih baharu.

- D10. Melalui aktiviti dan program belia, kita boleh berkongsi pandangan dan pendapat, kita juga berpeluang mengenali cabaran dan visi anak muda terhadap masa depan negara. Contohnya kerisauan generasi muda terhadap peluang pekerjaan dan kerjaya mereka selepas tamat belajar, kebimbangan hutang PTPTN dan beban tanggungan keluarga, serta keinginan orang muda merealisasikan aspirasi dan potensi mereka.
- D11. Golongan belia adalah penentu masa depan masyarakat dan negara kita. Gerakan amat mengalu-alukan orang muda daripada pelbagai latar belakang menyertai barisan kita. Gerakan menyediakan pelbagai platform untuk orang muda, dan kita bersedia membantu anak-anak muda mencapai matlamat dan mengejar impian mereka. Bersama-samalah kita berusaha membina sebuah bangsa dan negara yang dihormati oleh dunia.

## **E. GERAKAN, BANGKIT SEMULA!**

- E1. Apa yang penting untuk kita pada masa ini adalah sebuah kepimpinan yang disokong penuh oleh ahli dan diterima baik oleh rakyat. Kita telah menyaksikan pola perubahan sokongan yang begitu ketara.
- E2. Dalam politik ada *ups and down*. Apa yang penting adalah kesepakatan dalam menghadapi segala dugaan, peluang dan keadaan. Parti Gerakan mulakan perjalanannya sebagai sebuah parti pembangkang, kita berjaya dalam pelbagai peringkat, pernah juga berkhidmat di peringkat negeri dan persekutuan. Pengalaman inilah yang akan kita gemudi bersama generasi hari ini dalam membina semula Gerakan yang megah dan berjaya. Ahli-ahli Gerakan datang dari pelbagai latar belakang, ada yang mempunyai ijazah tinggi dan ada yang

mempunyai pengalaman yang berkualiti untuk diteladani. Mari kita menggunakan segala yang ada pada kita untuk mengangkat semula parti dan teguh menghadapi segala cabaran. Mari kita bersatu dalam menghadapi sebarang kemungkinan dan tunjuk kepada kawan-kawan kita di sebelah sana yang Gerakan adalah sebuah parti 'Dari Rakyat, Oleh Rakyat dan Untuk Rakyat'.

- E3. Imbas sejarah penubuhan, parti kita ditubuhkan oleh sekumpulan intelektual yang inginkan Bangsa Malaysia menjadi kenyataan di negara ini, asas-asas fahaman inilah yang membentuk ideologi Gerakan.
- E4. Sumbangan-sumbangan kepimpinan terdahulu juga amat dihargai, Pengasas Sdr. Syed Hussein Alatas, Sdr. Dr. Lim Chong Eu yang dikenali sebagai 'Bapa Pembangunan Pulau Pinang', 'Negarawan' Sdr. Dr. Lim Keng Yaik, Sdr. Dr. Koh Tsu Koon yang merupakan '*Jewel of Gerakan*' dan Sdr. Mah Siew Keong yang dikenali sebagai '*Commander of Gerakan*' telah mengalas tugas presiden dengan amat baik. Banyak lagi pemimpin lain terutamanya di peringkat cawangan dan bahagian yang telah dan masih sedang menyumbang masa, pengalaman dan tumpuannya dalam membina semula parti kita. Ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua, tanpa anda tiada lah Parti Gerakan Rakyat Malaysia.
- E5. Harapan kita adalah harapan bersama, bersama dalam memimpin parti tercinta ini dan memberikan yang terbaik dalam proses transformasi ini. Mari kita membantu parti dalam menghadapi iklim perubahan politik dan membuktikan kepada semua bahawa PARTI GERAKAN RAKYAT MALAYSIA akan bangkit semula dalam arena politik negara.

#### **F. MALAYSIA BAHARU JANGAN SEKADAR SLOGAN POLITIK**

- F1. Malaysia merupakan sebuah negara majmuk dan mempunyai kepelbagaian bangsa dan bahasa, ianya merupakan aset utama negara kita. Kita berjaya sebagai sebuah negara yang mempunyai kepelbagaian latar-belakang yang

duduk semeja secara aman dan tanpa sebarang perselisihan parah. Kita hidup atas dasar perpaduan dan mementingkan Bangsa Malaysia.

- F2. Secara spesifiknya selepas pilihanraya umum yang lepas. Apa yang jelas adalah kelemahan pemerintah baharu dalam menjaga keharmonian masyarakat berbilang kaum. Rakyat gusar dengan isu-isu yang berbangkit kebelakangan ini. Rasa tidak terbela dan diabai. Malah cetusnya jurang perkauman yang semakin membimbangkan. Malangnya, kerajaan masih lena dan belum bangun dari kemenangan mereka dalam PRU. Jika ini berlanjutan, maka perpaduan yang diusahakan selama ini akan menjadi sia-sia. Seperti biasa politikus-politikus parti pemerintah akan menunding jari kepada pihak lain.
- F3. Tanggungjawab kita sebagai parti politik yang berpaksikan '*multiracial*' perlu berdiri teguh bersama rakyat dalam memupuk kepelbagaian, bertoleransi dan bersemangatkan Bangsa Malaysia.
- F4. Malaysia Baharu adalah Malaysia untuk semua yang berlandaskan Perlembagaan Persekutuan. Malaysia Baharu adalah payung besar perpaduan. Bersama kita membina sebuah negara untuk semua tanpa mengira kaum, agama, etnik, dan bahasa. Impian inilah yang perlu kita ketengahkan kepada semua, impian ini adalah impian bersama!

## **KESIMPULAN**

Marilah sama-sama kita perteguhkan parti kita, giat semula setiap sayap dalam parti, bijak menghadapi cabaran dan yakin rakyat akan bersama dengan kita. Yang penting adalah menjadi suara rakyat.

Saya ambil kesempatan ini untuk merakamkan setinggi penghargaan kepada Ahli Jawatankuasa Pusat, Jawatankuasa Kerja Pusat, Majlis Ahli Seumur Hidup, Sayap Wanita dan Pemuda, Perhubungan Negeri, Bahagian, dan Cawangan untuk terus bersama

*Diembargo sehingga ucapan disampaikan pada 9/11/2019*

teguh dalam masa yang mencabar ini. Juga sekalung tahniah kepada Jawatankuasa Pengelola dalam menjayakan Persidangan ini.

Dengan ini, saya merasmikan Persidangan Perwakilan Nasional Parti Gerakan Rakyat Malaysia yang ke-48.

## 马来西亚民政运动（民政党）全国主席

刘华才博士同志政策演说

2019 年第 48 届全国代表大会

2019 年 11 月 9 日（星期六）

### 主题：民政党 - 第三势力

我谨向民政党的同志们致以至高敬意。各位，我在此欢迎诸位嘉宾、媒体朋友及所有代表今天的莅临。

今年的全国代表大会非常特别。首先，这是我党民政党为配合迎战丹絨比艾国会议席补选，首次在柔佛州举行全国代表大会。

第二，这是我首次以党主席身份在各位同志面前发表演说的一年。能够在我作为党主席的能力范围内为各位服务，对我而言可说是一份荣耀。对于各方在这充满挑战的时期给予的一切支持与鼓励，我非常感激及感动。

我誓言将通过巩固党组织、招募更多党员、积极地影响政府政策来恢复党的政治地位。还有最重要的是，我们为未来的成功一同前进，经历一切挑战。

#### A. 第 14 届全国大选后

A1 各位，我想提出 3 个重要日期，约略说明党在退出国阵之后的进展。

A2. 2018 年 5 月 9 日，是民政党输完所竞选的国会及州议会议席的日子。这事件给了极沉重的打击，无奈这事实无可避免。

- A3. 第二，2018 年 6 月 23 日，民政党决定脱离国阵。这件事难以解说，我们考量了政治布局、党员利益及人民扮演的角色。
- A4. 第三，2018 年 11 月 17 日，全国代表大会选出了 2018 年至 2021 年的民政党新领导层。这新领导班底的主要职责及目标是注入新精神，重建我党。
- A5. 为此，我们首先做出决定，轮流在每个州举行每月中委会议，设立福利局来照顾所有党员的福利，并致力拉近中央管理层及各分部普通党员之间的距离。我们作出一切努力贴近，以让我们成为团结并向前迈进的大家庭。党员们的需求必须先获得满足，之后才能为人民的利益及权利奋斗。
- A6. 新领导班底是由年轻一代及经验丰富但没有“政治包袱”的领袖们组成。今天的民政党准备面对一切可能，这是我们对党员的主要承诺。民政党意识到，我党必须与其他主要政党一致前行，以便在目前正出现的政治气候改变中保持举足轻重。
- A7. 明显的，民政党已连续 3 届在槟城州议会选举中落败。我们失去了州政府行政权，而今天，我们在国家民主体系中没有任何议席。各位，我们为何会在大选中落败？
- A8. 主要的原因是我党被认为已不合时宜、不了解人民的想望、不为年轻人所认识。其原因也许简单，但其影响却是导致我们不被选为人民的代议士，我们被忽视了。在过去 3 届大选中的败绩导致民政党在我国政治舞台的影响力日益减少。如今，我们是时候展示出我们是谁、我们是时候站起来，站稳脚步，以一个独立、专业、有立场，并由全民民主思想主导的政党身份，坚定面对国家的政治洪流。

**B. “赢家心态” - 党改革**

- B1. 为了党的生存，我们必须尽快进行改革。作为改革进程的基础，思考方式的改变非常重要。我们需要拟定策略朝向成功。
- B2. 思考方式的改变，知易行难。开始阶段，有 3 个新想法必须受到注意和着重。第一，强制规定在民政党举办的所有节目及活动中穿上有民政党党徽的党服。
- B3. 民政党在马来西亚政治舞台上扮演主要角色已有超过 50 年。我们渡过了各种变化、共同处理各种课题，并让民政党的名字晋身国家政治主流，以一个马来西亚民族概念进行奋斗，并重视多元性的主要政党。
- B4. 党员应该为代表民政党而感到自豪，并且不羞于身穿党服，因为民政党就是我们的身份。穿党服也是一个品牌及宣传策略，能够提高党的能见度，同时提升党的价值。
- B5. 第二，我们必须意识到，目前民政党是一个独立的政党。我们已退出国阵一年多，但仍有党员受困于旧思想或“国阵思维”之中。
- B6. 举个例子，民政党参与丹絨比艾国会议席补选。有一些党员认为我们不应该参选，并抛出了各种削弱我们参选决定的问题。我们必须明白，不论有关选区是否民政党的传统议席，我们都有资格，也有权利在任何一个国会或州议会选区上阵。
- B7. 经验已教了我们许多，在政治世界里没有永远的朋友或敌人。我们必须确认谁是战场上那个真正的敌人，谁又是战友。
- B8. 第三，编排策略及全面的竞选运动，备战来届大选。我们必须醒觉，竞选方式比起以前已有所改变，而且我们也不能依赖拨款、赠礼、津贴等等。我们必须摒弃旧思想，展开新步骤以带来改变。大家必须团结、肩并肩，共同达成党的议程。

- B9. 那目标很重要。民政党作为一个大家庭，欢迎所有人共同达成党的议程，并以开放及渴望共同成功的思想给予支持。
- B10. 设定高目标其实并没有错，重要的是我们一同努力达成它。高目标也不意味着我们贪心，不代表“不可能”。唯有通过使命感及严守纪律，才能达致成功。
- B11. 必须要有成功的心态，且要忠实及坚定。凭着这些，我们就能够迈步向前。

### C. 民政党，丹绒比艾补选的第三势力

- C1. 我国今天的政治气候已非常不同，希望联盟在政坛的崛起以及治国逾 60 年的政党衰败，为我国政治作出了新的定义。这改变是人民的意愿，而我们也明了在政治布局中，人民拥有真正的权力。我们以一个独立及专业的政党开始在我国政坛立足，我们得以在檳城州执政，而之后认为，民政党与当时的中央执政党合作，是重要的。这项合作的基础是为我们治理的州提供最好的管治。最近，我们了解到我国政治口味的转变，即人民想要一个非常透明，“民治、民享”的政府。我国民主想要一股不可否定的新气象，因此民政党认为我们必须重新检讨政治布局，同时不忽略创党理念。
- C2. 第三势力，是我们新的政治布局。民政党认为，一个独立及专业的政党对于我国政治是重要的。我们将经常提醒那两大政营，民政党作为有效能及负责任的第三势力，将与人民同在。我们千万别忘记党成立的起源，我们并非一般政党，我们是代表各种背景人民的政党。巫、华、印、沙巴人、砂拉越人、锡克教徒全都团结在民政党旗帜下。让我们再度崛起，团结一致成为一个重视人民愿望的大家庭，并肩实现马来西亚民族梦想！

- C3. 民政党在丹絨比艾国会补选中上阵是正确、适当及具有意义的。这是因为民政党在国阵中立足逾 50 年，而这并非民政党退出该联盟后，以独立政党身份竞选的障碍。这反而是民政党自第 14 届大选以来举行了 8 场补选后，首次以自身党徽竞选的机会。丹絨比艾的选民非常需要希盟及国阵以外的替代选择。
- C4. 希盟接掌中央政府权力已有一年多。在这段时期，有多项课题被挑起、竞选承诺没有兑现、竞选宣言受忽视、种族间的仇视及紧张问题日益严重、所实行的政策也引起许多争议。所提呈的政策也多次出现“U-转”。
- C5. 举个例子，从明年起在国民型华小及淡小推行爪夷文书法课。尽管该政策受到非马来人社会的激烈反对，但希盟依然坚持继续该政策。此外，扎基尔奈克对华裔及印裔社会缺乏敏感度的言论、首相敦马哈迪医生出席马来人尊严大会，以及大会呼吁废除各源流学校等等，是极度令人遗憾的，而且完全没顾及我国多元种族的敏感性。
- C6. 希盟政府也无法兑现第 14 届全国大选竞选宣言中的承诺。经济承诺，未有任何进展；承认统考文凭，仍未见落实；取消过路费，未见落实。莱纳斯稀土厂虽然受到民众反对，但仍持续运作；飞行车计划，尽管我国经济不好，但这项计划仍会持续进行。希盟直接违背了竞选宣言中的承诺，并指出那不可能实行。他们甚至以各种理由作为他们兑现承诺的障碍。
- C7. 民政党自今年初对希盟政府进行的观察显示，希盟的民望在 2019 年第三季下跌至 25.6%。另外，有 36.3% 马来西亚人民对希盟的表现不满意。这不仅显示希盟的表现失败，也证明了该联盟日渐失去人民的支持和信任。
- C8. 丹絨比艾补选前夕，希盟政府宣布为各项计划拨款数百万令吉。该联盟也强调，政府只是如常执行任务，提供拨款纯属巧合。若有关拨款的确批准已久，为何希盟将此拨款保密至今天？竞选宣言承诺都还未兑现，如今竟然作出新承诺。这是否又是对选民的另一次欺骗？

- C9. 现今的国阵领导层也令人失望，一直将宗教及种族课题作为他们的斗争议程。巫统与伊斯兰党的政治合作以狭隘的种族情绪作为动机，这令人感到担忧，担心将引起冲突，破坏和谐。
- C10. 一直以来高喊的“新马来西亚”只是口号、花言巧语，而我们所热爱的马来西亚依然受困于政治领袖玩弄的种族及宗教情绪之中。
- C11. 如今，我们是时候向希盟及国阵传达讯息，即人民对他们的种族政治感到不满。希盟的蜜月期已过，人民拒绝“骗子政府”。经济及马来西亚民族团结的议程理应成为治国原则，但不幸的是，执政党及国阵都为了其政治生存，背弃这两个议程。
- C12. 第三势力对于政治的和谐极为重要。民政党作为一个走中庸路线的多元种族政党一直以来都为人民及国家的利益而奋斗。民政党创立以来，我们都捍卫马来西亚各族的命运与权利。
- C13. 民政党呼吁丹絨比艾的选民履行选民的责任，拒绝实行有毒及残暴政治的政党。为了人民，为了丹絨比艾，请投选民政党。请给予民政党委托以执行在该两个政治阵营之间监督与制衡的任务。
- C14. 民政党也敦促马来西亚选举委员会、马来西亚反贪污委员会监督补选的进行，确保参选的候选人与政党遵守选举条例，遵循自由与公平的选举原则，不滥用作为联邦政府的地位。
- C15. 团结就是力量。若我们不团结及努力，就不可能取得胜利。因此，我非常希望各位民政党的同志、党的所有机关能够为我们的候选人温蒂助选，让民政党能在此次补选中胜利。

C16. 不仅是为了助选，我们也要利用这次机会随时加强竞选运动。此次竞选运动不仅是为了丹绒比艾补选，也将进一步作为来届大选的准备工作。

#### D. 面对第 15 届全国大选的准备与策略

D1. 随着希盟各政党中出现的动荡，第 15 届全国大选预计随时都会举行，即比希盟政府任期届满之日提早。

D2. 民政党如今全力拟定策略，以重夺槟州，并让民政党成为强大的主流政党。其中策略包括接近年龄小至 16 岁的年轻一代。

D3. 根据选委会统计，降低投票年龄限制至 18 岁并实施 18 岁选民自动登记之后，一直到 2023 年，每年将有多达 780 万名新选民列入选民册。这 780 万名年轻人当中，有 400 万人是年龄 21 岁以上但仍未登记为选民者，而 380 万人年龄介于 18 岁至 20 岁，符合资格登记为选民。

D4. 这年轻群体的总票数超过整体选民人数的 30%。若一张选票能带来改变，试想想增加这 780 万张新选票。他们将对各政党造成极大冲击，成为未来决定政府成立的关键。他们必定成为各政党的焦点及争夺对象，以确保能胜利，入主布城。

D5. 年轻人选票对我党非常重要。民政党设定目标，要在来届大选前将党内年轻人人数提高至 30%。为达此目标，各位家里有年龄 16 岁以上孩子的同志，请登记您的孩子们为民政党党员，若还未这么做的话。至于各州、区部及分部，领导层受促尽量多举办以年轻人为对象的活动及节目。

D6. 为了吸引年轻人的注意及支持，我们必须了解时下年轻人的需求、兴趣及趋势。我们要接近年轻人，将关系鸿沟减至零。举个例子，今年内已在几个州举行的“一起喝珍珠奶茶”活动。这项活动的推出旨在接近各不同背景的年轻一代。

- D7. 此外，民政党也计划在近期内开办 YouTube 网红训练班。这项活动旨在鼓励年轻人通过视频及互联网表达他们的看法。这项倡议长期而言能够增加年轻人对时事发展及国家的知识及意识，并培养对政治的兴趣。
- D8. 我们也不忘利用社交媒体，如脸书（Facebook）、YouTube、Instagram、推特（Twitter）、微信（WeChat）等等来塑造年轻人对民政党的观感。相比于其他媒体平台，如电视、电台及报纸，这一群体花许多时间浏览互联网，以搜寻并分享资料。我们应该深入探讨年轻人如何看待民政党，并提高年轻一代对我党理念及斗争的了解。
- D9. 有了互联网的便利，我们不仅能与居住在马来西亚的新一代，也能与在国外求学或工作的年轻一代联系。根据教育部的最新统计，有近 8 万名马来西亚学生在国外留学。这一群人将成为决定大选结果的关键，因为他们大多数都是新选民。
- D10. 通过青年活动及节目，我们可以分享看法和意见，我们也有机会了解年轻人面对的挑战及对国家未来的愿景。例如，年轻一代对于他们毕业后的工作机会及事业的担忧、对高等教育基金（PTPTN）欠款及家庭负担的忧虑，以及年轻人欲实现他们抱负及潜能的意愿。
- D11. 年轻人是决定我们社会与国家未来的关键。民政党非常欢迎各种背景的年轻人加入我们的阵容。民政党为年轻人准备了各种平台，我们也准备协助年轻人达到他们的目标及追求他们的梦想。让我们一起努力打造受全世界尊重的民族与国家。
- E. 民政党，再度崛起！**
- E1. 目前对我们最重要的是一个获得党员全力支持，并受到人民好评的领导层。我们已见证了那么显著的支持改变模式。

- E2. 在政治当中，有起有落。重要的是在面对一切考验、机会及情况时同心协力。民政党以在野党起步，我们在各阶段都成功，也曾经在州及联邦服务。这经验将引领我们及当今世代，以重建令人自豪及成功的民政党。民政党党员来自各不同背景，有人拥有高学历，有人拥有值得仿效的优质经验。让我们利用我们所拥有的一切让党再度崛起，并坚定应对一切挑战。让我们团结一致面对任何可能，并向另一方的朋友们展示，民政党是一个“民有、民治、民享”的政党。
- E3. 回顾创党历史，我党由一群想要“马来西亚民族”这概念在这个国家成为事实的知识分子所创立，这些思想基础也组成了民政党的理念。
- E4. 昔日领导层的贡献也极受珍惜，创党人赛胡先阿拉达斯、被誉为“槟州发展之父”的已故敦林苍佑医生、“政治家”林敬益医生、“民政党之宝石”许子根博士，以及被誉为“民政党司令”的马袖强同志非常好地肩负起党主席的职务。还有许多其他领袖，尤其是在分部及区部方面，已经和依然在奉献其时间、经验及专注，以重建我党。我在此欲向大家致以万二分谢意，因为没有你们，就没有民政党。
- E5. 我们的希望是共同的希望，共同领导这我们所爱的政党，并在这转型的进程中给予最好的。让我们协助党面对政治变化，并向所有人证明，民政党将在我国政坛再度崛起。
- F. 新马来西亚切勿仅是政治口号**
- F1. 马来西亚是个多元种族国家，拥有民族及语文多元性，那是我们国家的主要资产。我们成功作为一个拥有各不同背景，而能同坐一桌和平相处，没有任何严重分歧的国家。我们是在团结及着重马来西亚民族的基础上生活。

- F2. 具体而言，自上届大选后，显而易见的是新执政者在维护多元种族社会和谐方面的弱点。人民对于最近冒出的课题感到愤怒。感觉不受维护及被忽略。而且更出现日益令人担忧的种族鸿沟。不幸的是，政府依然沉醉于他们在大选中的胜利。若这继续，大家一直以来努力维系的团结将会白费。执政党政客将会如常归咎另一方。
- F3. 我们作为“多元种族”政党的责任是必须坚决与人民同在，培养多元性、宽容及具有马来西亚民族精神。
- F4. 新马来西亚是依据联邦宪法所阐述的，属于全民的马来西亚。新马来西亚是团结各族的主轴。让我们一同建立一个不分种族、宗教、族群及语文的全民国家。这是我们必须向全民推介的梦想，这梦想是共同的梦想！

## 总结

让我们共同强化我党，让党内每一个臂膀组织重新活跃，明智地应对挑战，并相信人民将与我们同在。重要的是，成为人民的声音。

我借此机会向中央委员会成员、中央工作委会、永久党员理事会、妇女组及青年团、州联委会、区部及分部致以至高的敬意，在这具有挑战性的时刻继续共同坚持。此外，我也对筹委会让此次大会成功举行表达祝贺。

我谨在此宣布第 48 届马来西亚民政运动全国代表大会开幕。